

FATWA MENGENAI HUKUM PENGHASILAN *MONOSODIUM GLUTAMAT* (MSG)
MENGGUNAKAN MIKROORGANISMA

BAHAWASANYA Jawatankuasa Fatwa, pada menjalankan kuasanya di bawah seksyen 36 dan seksyen 37 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*], telah menyediakan fatwa yang terkandung dalam ini;

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 37(6) Enakmen yang sama, Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan telah memperkenankan penyiaran fatwa ini dalam *Warta dan Kerajaan Negeri* telah dimaklumkan tentang fatwa ini;

MAKA, OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 37(7) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004, Jawatankuasa Fatwa kali ke-203 yang bersidang pada 23-25 Februari 2015 bersamaan 4-6 Jamadilawal 1436H dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak Darul Ridzuan, membuat dan menyiarkan fatwa yang berikut:

- i. Setelah meneliti proses pengubahsuaian genetik dan teknologi baru dalam proses penghasilan *Monosodium Glutamate* (MSG) berserta fakta-fakta dan hujah-hujah yang dikemukakan, mesyuarat mendapati bahawa

801

Pk. P.U. 52 & 53.

dapatkan daripada kajian menunjukkan bakteria penderma iaitu *Lactic Acid Bacteria* yang digunakan adalah diperolehi daripada “*Intestines Of Human Adult*” (usus orang dewasa) yang kemudiannya telah dipencarkan serta dipurifikasi.

- ii. Berdasarkan proses dan sumber bakteria yang dikemukakan tersebut, mesyuarat bersetuju memutuskan bahawa Penggunaan Mikroorganisma Terubahsuai iaitu *Lactic Acid Bacteria* yang diperolehi daripada “*Intestines Of Human Adult*” (usus orang dewasa) dalam teknologi baru penghasilan *Monosodium Glutamate* (MSG) adalah dibenarkan kerana bakteria yang digunakan tersebut dikategorikan sebagai *mutanajjis* dan ianya telah melalui proses pengasingan dan penyucian yang tidak menyalahi hukum syarak.

Bertarikh 9 Ogos 2018
[MNPKA351.IST/01/7JLD4;PU.Pk.07/2001]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan
TAN SERI DATO' SERI (DR) HAJI HARUSSANI BIN HAJI ZAKARIA
Mufti dan Pengerusi Jawatankuasa Fatwa
Negeri Perak Darul Ridzuan